AH SIN (IBU YANG SAH DAN ORANG TANGGUNGAN LIM BENG TIONG, SIMATI) & 2 LAGI

lwn.

TAN TEAN SIANG & 1 LAGI

MAHKAMAH TINGGI, KUALA LUMPUR
PUAN RAHMAH BTE HUSSAIN PK
[GUAMAN SIVIL NO. P25-495-86]
23 JULAI 1993

TORT: Kecuaian - Kemalangan jalanraya mengakibatkan kematian penunggang dan pembonceng motosikal - Tindakan kecuaian dibawa oleh orang tanggungan kedua-dua simati - Samaada kemalangan berlaku kerana kecuaian defendan - Taburan serpihan kaca diatas jalanraya - Samaada kedudukan serpihan kaca menunjukkan tempat sebenar berlaku perlanggaran.

Satu kemalangan jalanraya telah berlaku di Jalan Kim Chuan, Pandamaran, Kelang diantara kereta yang dipandu oleh defendan pertama dan motosikal yang ditunggang oleh anak kepada plaintif kedua dan ketiga. Pada ketika perlanggaran berlaku, anak kepada plaintif pertama sedang membonceng motosikal berkenaan. Kedua-dua penunggang dan pembonceng motosikal mengalami cedera parah dan meninggal dunia akibat kemalangan tersebut.Plaintif pertama, selaku ibu dan juga orang tanggungan kepada pembonceng motosikal dan plaintif kedua dan ketiga, sebagai ibu bapa kepada penunggang motosikal, telah mengambil tindakan kecuaian terhadap defendan.

Kes yang dikemukakan oleh plaintif-plaintif adalah bahawa perlanggaran berlaku disebabkan oleh kegagalan defendan mengawal kereta yang dipandunya menyebabkan kereta tersebut terbabas kearah laluan simati dan melanggar motosikal simati. Pihak defendan menafikan keterangan pihak plaintif. Sebaliknya defendan mengatakan bahawa perlanggaran berlaku kerana penunggang motosikal cuba memotong sebuah lori panjang lalu memasukki laluan defendan ketika lori tersebut sudah terlalu hampir dengan kereta yang dipandu oleh defendan pertama.

Diputuskan:

[1] Mengenai kes kecuaian ini pihak plaintif mempunyai beban untuk membuktikan atas imbangan kebarangkalian bahawa kemalangan berlaku akibat dari kecuaian pihak defendan.

[2] Setelah membandingkan keterangan yang diberikan oleh saksi saksi plaintif dengan keterangan yang diberikan oleh defendan dan saksinya, keterangan pihak defendan adalah lebih manasabah dan boleh diterima. Keterangan pihak defendan juga disokong oleh bukti-bukti bebas ia itu gambar-gambar rajah dan rajah kasar.

[3] Dari kerosakan yang terdapat dikeduadua kenderaan adalah jelas bahawa perlanggaran berlaku semasa keduadua kenderaan dalam keadaan selari.Bukti ini adalah lebih konsisten dengan keterangan defendan pertama kerana jika kereta defendan pertama mengelakkan lubang dan terbabas, tidaklah keretanya akan selari dengan motosikal simati. Oleh yang demikian pihak plaintif telah gagal untuk membuktikan kes mereka.

[Kes plaintif dibuang bicara].

Kes-kes yang dirujuk:

Jafri Bin Elias lwn. Khor Tan Seah [1992] 2 CLJ 1016 ***(dirujuk)***

Chandran a/L Gopal lwn. V. Mohammad Razali Bin Jaafar [1992] 2 CLJ 785 ***(dirujuk)***

Mat Desa Bin Salleh lwn. Ang Hock Lee & Anor. [1979] 1 MLJ 241 ***(dirujuk)***

Bagi pihak plaintif - T/n. V.P. Nathan & Partners
Bagi pihak defendan - T/n. Murali B. Pillai & Associates

ALASAN PENGHAKIMAN

Rahmah bte Hussain PK:

Tindakan kecuaian ini berbangkit dari kemalangan jalanraya di Jalan Kim Chuan, Pandamaran, Kelang diantara penunggang motosikal No. BBH 3808, Peter Lim Chee Chow (simati kedua) dan pemandu kereta No. BCH 1126, Tan Tean Siang, pada 7 Mei 1986. Dalam kemalangan tersebut penunggang motosikal (Peter Lim Chee Chow) dan pemboncengnya (Lim Beng Tiong - simati pertama) telah mengalami cedera parah dan meninggal dunia.

Plaintif pertama adalah ibu kandung kepada Lim Beng Tiong (simati pertama) iaitu pembonceng motosikal tersebut. Plaintif kedua dan ketiga adalah bapa dan ibu kepada Peter Lim Chee Chow (simati kedua) iaitu penunggang motosikal.

Fakta kes bolehlah diringkaskan seperti berikut:

Pada 7 Mei 1986 lebih kurang jam 9.30 malam simati pertama dan kawan-kawannya,

termasuk simati kedua, serta Lim Swee Huat (SP5) sedang dalam perjalanan ke Pelabuhan Kelang, untuk makan malam. Simati pertama telah membonceng di atas motosikal yang ditunggang oleh simati kedua; sementara SP5 telah menunggang motosikal yang lain dengan seorang pembonceng bernama Khoo Thiam Peck (SP7). Apabila mereka sampai di hadapan Seko1ah Kim Chuan, satu perlanggaran telah berlaku diantara motosikal simati kedua dan sebuah kereta No. BCH 1126 yang dipandu oleh defendan pertama.

Pihak plaintif telah memanggil lapan orang saksi.

Saksi pertama (SP1) ialah majikan simati pertama. Mengikut SP1 simati pertama bekerja di gerai meenya sebagai seorang pelayan dan pencuci pinggan mangkuk. Simati pertama telah diberi gaji sebanyak RM250 pada mulanya tetapi pada masa beliau meninggal dunia gajinya ialah RM300. Simati pertama telah bekerja dengan SP1 selama dua (2) tahun.

Saksi kedua (SP2) ialah ibu kepada simati pertama. Mengikut SP2 simati telah memberinya RM350 sebulan. Saksi ketiga (SP3) pula ialah bapa kepada simati kedua. Beliau menyatakan bahawa anaknya memberinya RM800 sebulan dan semasa kemalangan simati berumur dua puluh (20) tahun. Saksi keempat (SP4) memberitahu Mahkamah bahawa dia adalah ibu kepada simati kedua dan semasa hidupnya, anaknya bekerja sebagai seorang mekanik di Lye Heng Motors dan memberinya RM800 sebulan.

Saksi penting plaintif iaitu SP5 memberitahu Mahkamah bagaimana kemalangan berlaku. Menurutnya waktu yang berkenaan beliau bersama pemboncengnya sedang menunggang sebuah motosikal dan berada di hadapan motosikal yang ditunggang oleh simati kedua. Apabila mereka sampai di hadapan sebuah Sekolah Vokasional (Sekolah Kim Chuan) beliau ternampak sebuah kereta yang sedang datang dari sebelah hadapan dan tiba-tiba terbabas ke jalan mereka. Beliau dapat mengelak dari dilanggar tetapi malangnya kedua-dua simati tidak dapat berbuat demikian. Mengikutnya lagi, jarak diantara motosikalnya dan kereta yang datang itu ialah 30 kaki.

Saksi keenam (SP6) ialah Pegawai Penyiasat kes kemalangan jalanraya ini. SP6 memberitahu Mahkamah dari penyiasatannya didapati kemalangan berlaku di Jalan Langat - Kelang diantara sebuah motosikal yang menghala ke Kelang dari arah Pandamaran dan sebuah kereta yang menghala ke arah Pandamaran. Tetapi kedudukan kereta tersebut telah berubah iaitu dalam keadaan arah terbalik selepas kemalangan.

Saksi ketujuh (SP7) pula memberi keterangan bahawa beliau adalah pembonceng motosikal yang ditunggang oleh SP5. Katanya beliau tidak nampak bagaimana kemalangan terjadi. Hanya setelah mendengar bunyi "pom" dan setelah SP5 memberhentikan motosikalnya, barulah beliau tahu ada perlanggaran.

Akhirnya saksi kelapan plaintif (SP8) ialah majikan Peter Lim (simati kedua). Beliau berkata sebagai seorang mekanik simati pertama dibayar gaji sebanyak RM800.

Keterangan pihak defendan telah diberi oleh defendan pertama dan saksinya SD1. Defendan pertama menafikan kemalangan berlaku kerana beliau telah terbabas dan masuk ke jalan simati (1) dan (2). Sebaliknya beliau berkata, penunggang motosikal tersebut iaitu simati kedua telah memotong sebuah lori semasa lori itu sedang berdekatan dengan keretanya. Mengikut defendan pertama ada tiga buah motosikal yang berturut-turut memotong lori tersebut. Kata defendan pertama:

> Pertama kali saya nampak motosikal pertama jaraknya ialah 10 -15 kaki dan saya nampak kedua-dua motosikal pada masa yang sama motosikal memotong lori satu selepas yang lagi satu. Selepas itu saya nampak motosikal ketiga iaitu dua (2) saat sahaja selepas itu. Motosikal ketiga datang dari belakang lori itu. Lori itu panjangnya 20 kaki. Saya hanya tahu lori itu besar iaitu lebih kurang panjang lori kontena. Semasa kemalangan kedua-dua motosikal pertama telah melepasi lori. Selepas motosikal melepasi lori, motokar saya telah dekat sangat dengan lori. Apabila motosikal keluar dari belakang lori beliau terus memakan jalan.

Keterangan defendan pertama ini telah disokong oleh SD1 dalam butir-butir penting. Beliau berkata:

> Lebih kurang pukul 9.00 ke 10.00 malam kami (defendan pertama dan saksi) pulang dari tempat kerja Ng Chai Leng. Jalan pulang merupakan jalan yang curam. Kami berjalan dengan perlahan-lahan. Kami nampak sebuah lori dari hadapan. Semasa kami menghampiri lori tersebut, terdapat tiga buah motosikal

memotong lori tersebut. Dua motosikal berjaya memotong lori tetapi motosikal yang akhir telah melanggar kereta kami.

Dalam hujahannya Peguam plaintif Encik S. Mohan merumuskan bahawa dari keterangan bebas iaitu rajah kasar dan gambar-gambar, adalah jelas bahawa kedudukan serpihan kaca-kaca berada di laluan simati. Seterusnya Encik Mohan merujuk kepada gambar, Eksibit P5C, yang katanya jelas menunjukkan tayar kanan kereta ada didalam kedudukan membelok ke kanan pada masa perlanggaran. Sebenarnya ada kemungkinan gambar yang dimaksudkan oleh Encik Mohan ialah Eksibit P3A, kerana setelah meneliti Eksibit P5C, saya tidak nampak dengan jelas tayar membelok kekanan, tetapi di dalam gambar Eksibit P3A adalah jelas menunjukkan begitu. Encik Mohan berhujah bahawa pada masa perlanggaran (on impact) defendan tidak dapat mengawal keretanya dan keterangan defendan bahawa dia telah mengelak kekiri jalan dan tidak kekanan adalah tidak benar.

Peguam defendan, Cik Chew, berhujah bahawa pihak plaintif telah gagal membuktikan kemalangan itu berlaku akibat kecuaian pihak defendan. Katanya pihak plaintif mengatakan kemalangan berlaku kerana defendan telah mengelakkan lubang dan memasuki jalan motosikal Peter Lim dan mengakibatkan kemalangan diantara motosikal tersebut dan kereta defendan, tetapi dari rajah kasar yang dilakarkan oleh Pegawai Penyiasat - SP6 adalah jelas tidak ada sebarang lubang di atas jalan tersebut. Juga katanya semasa memberi keterangan SP6 telahmemberitahu Mahkamah bahawa jalan Kim Chuan adalah jalan berturap rata serta baik dan jalan itu merupakan jalan besar.

Mengenai kes kecuaian seperti ini plaintif mempunyai beban untuk membuktikan (atas imbangan kebarangkalian)bahawa kemalangan berlaku akibat kecuaian pihak defendan.

Dalam kes *Jafri Bin Elias lwn. Khor Tan Seah* [1992] 2 CLJ 1016, Hakim KC Vohrah telah berkata di muka surat 1019, seperti berikut:

> In my view it was unjustified for the Judge to put liability at all on the defendant when the plaintiff had not discharged the *onus* of proof on him on balance of probabilities that the accident was caused by negligence of the defendant either wholly or partially and I therefore allowed the appeal of the defendant with costs.

a Mengikut keterangan saksi penting plaintif dalam kes sekarang (SP5 dan SP7) ada terdapat satu lubang di tempat kejadian dan defendan pertama telah terbabas ke jalan mereka kerana hendak mengelakkan lubang tersebut. Walau bagaimanapun, semasa mereka diperiksa-balas oleh Peguam defendan, SP5 mengatakan *b* bahawa jalanraya di mana kemalangan berlaku adalah gelap dan mereka hanya melihat lubang tersebut keesokan harinya. Juga SP5 bersetuju bahawa lubang tersebut berada agak jauh dari tempat kejadian. SP7 pula telah menanda di rajah kasar (Eksibit P2) lokasi lubang tersebut dengan tanda *c* "Z". Beliau juga telah memberi anggaran bahawa jarak diantara lubang dan kesan darah di atas jalanraya yang ditanda dengan huruf "D" adalah 40-50 kaki. Semasa diperiksa-balas dengan panjang lebar oleh Peguam defendan, SP7 akhirnya telah berkata:

d

> Saya hanya mengagak defendan mengelak lubang itu. Saya tidak tahu sama ada defendan mengelak lubang itu.

Terdahulu dari itu SP7 telah berkata:

> Saya tidak nampak bagaimana terjadinya kemalangan itu.

e Pada pendapat saya keterangannya itu adalah sangat tepat kerana motosikalnya berada di hadapan motosikal simati dan oleh kerana jalanraya gelap maka adalah sukar baginya hendak nampak apa yang berlaku di belakangnya.

f Apabila keterangan SP5 dan SP7 dibanding-kan dengan keterangan SDl dan defendan pertama pula, saya berpendapat bahawa ke-terangan pihak defendan adalah lebih munasabah dan boleh diterima. Juga keterangan pihak defendan disokong oleh bukti bebas iaitu gambar-gambar dan rajah kasar.

g Dari rajah kasar, ditempat bertanda "D" dan gambar - P3-I, adalah jelas bahawa kesan darah berada di garisan putih tengah jalan dan masuk ke laluan simati. Pada fikiran saya bukti ini menguatkan lagi kes defendan (iaitu pe-nunggang motosikal telah memotong sebuah *h* lori panjang semasa lori tersebut berdekatan dengan kereta defendan dan masuk ke laluan defendan) dan menyangkal kes plaintif (iaitu defendan telah mengelak sebuah lubang dan terbabas ke arah simati yang berada lebih kurang tiga kaki dari tepi jalanraya). Jika *i* perlanggaran berlaku sebagai yang dikatakan oleh SP5 dan SP7 kesan darah tidak akan

bermula dari garisan putih tengah jalan tetapi di sebelah tepi laluan simati sahaja. Juga kedudukan kedua-dua kenderaan selepas perlanggaran adalah lebih konsisten dengan keterangan defendan (1) dan saksinya.

Mengenai dengan serpihan kaca pula, sungguhpun SP6 telah menyatakan semasa pemeriksaan awalnya bahawa ada kemungkinan besar tempat perlanggaran "point of impact" berlaku di lorong laluan motosikal, tetapi semasa beliau diperiksa-balas oleh Peguam defendan beliau telah berkata bahawa kawasan berlakunya perlanggaran (area of impact) boleh dipastikan dari serpihan kaca tetapi tempat perlanggaran yang tepat (exact point of impact) tidak boleh. Beliau juga menambah bahawa selepas kemalangan kereta yang hendak ke Pandamaran akan melalui tempat kemalangan dan kesan-kesan kaca akan terganggu.

Dalam kes *Chandran a/l Gopal lwn. Mohammad Razali Bin Jaafar* [1992] 2 CLJ 785 dan *Mat Desa Bin Salleh lwn. Ang Hock Lee & Anor.* [1979] 1 MLJ 241, Mahkamah Tinggi telah memutuskan bahawa kedudukan kaca tidak menunjukkan "point of impact". Yang Arif Hakim Syed Agil Barakbah dalam kes *Mat Desa Bin Salleh* telah berkata:

> It is improbable that the glass fragments from the defendant's car could fall sideway immediately on impact and at almost the same spot since the motorcar did not stop but proceeded on and came to a brief stop a distance away.

Begitu juga keadaannya dalam kes sekarang iaitu kereta telah terus berjalan dan melanggar sebuah tiang telefon dan akhirnya berhenti di atas jalan di laluan simati.

Dari kerosakan yang terdapat di kedua-dua kenderaan pula, iaitu mengikut keterangan SP6 dan laporan Ahli Kimia Eksibit P4, serta gambar-gambar P5A-C, terutama sekali Eksibit P5C adalah jelas bahawa perlanggaran berlaku semasa kedua-dua kenderaan dalam keadaan selari. Bukti ini adalah lebih konsisten dengan keterangan defendan pertama kerana jika kereta defendan pertama mengelakkan lubang dan terbabas, tidaklah keretanya akan selari dengan motosikal simati.

Mengikut Ahli Kimia juga (Eksibit P4) dari hasil analisa contoh darah defendan pertama, menunjukkan beliau bebas dari alkohol. Oleh itu ini membuktikan defendan pertama tidak mabuk pada masa perlanggaran.

Mengenai dengan hujahan Peguam plaintif bahawa fakta roda kereta defendan pertama memesong kekanan membuktikan beliau membelok kekanan saya berpendapat ini bukanlah bukti yang muktamad.

Menyentuh tentang saksi-saksi pihak plaintif (SP5 dan SP7) pula, setelah melihat tingkahlaku mereka di dalam Mahkamah dan memandangkan mereka tidak memberi kerjasama kepada pihak polis dengan tidak tampil kehadapan memberi percakapan atau membuat laporan, saya berpendapat bahawa mereka ada sesuatu yang hendak disembunyikan mengenai perlanggaran tersebut. Ada kemungkinan besar ketiga-tiga penunggang motosikal memotong lori di jalan kenderaan yang datang dari arah hadapan sebagaimana keterangan yang diberi oleh defendan pertama.

Sebaliknya defendan pertama telah membuat laporan polis yang konsisten dengan keterangannya didalam Mahkamah dan saksinya - SD1 juga telah memberi keterangan yang menyokong keterangan defendan.

Oleh yang demikian, dari keterangan yang dikemukakan oleh kedua-dua pihak terutama sekali saksi bebas, SP6 dan Laporan Kimia Eksibit P4 dan gambar-gambar P5A-C, saya berpendapat bahawa pihak plaintif telah gagal membuktikan kes mereka. Oleh itu saya membuang kes plaintif dan memberi kos kepada defendan.